

15 FEBRUARI 2018

Selami kehidupan sebenar penagih

kembara/global



Pelajar menyalami jiwa penagih dadah menerusi Aktiviti Bersama Pelatih di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, Jelebu, Negeri Sembilan.



Pengarah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, Jelebu, Nazira Sadiron (tengah) menyampaikan cenderamata hasil buatan pelatih kepada Dr Saralah.



Mahasiswa UUMKL teruja menyalami perasaan pelatih di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, Jelebu, Negeri Sembilan.



Pelajar mengadakan aktiviti bersama-sama pelatih di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik.



Sebahagian ciptaan pelatih yang kreatif.

Selami kehidupan sebenar penagih

Oleh Meor Ahmad
Masriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

Jelebu

Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUMKL) berpeluang mendekati dan menyalami kehidupan penagih dadah menerusi Aktiviti Bersama Pelatih di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, di sini, baru-baru ini.

Seramai 20 pelajar Sarjana Kaunseling Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) menyertai lawatan itu bagi melaksanakan tugas kumpulan iaitu Teori dan Praktis Kaunseling Kelompok.

Pelajar yang menyertai program berkenaan mengambil peluang

untuk menyalami kehidupan sebenar penagih di samping berkongsi pengalaman dan memberi pengajaran kepada mereka untuk menjauhi najis dadah.

Pengarah projek, Fauziah Arion, 38, berkata hatinya berasa sayu apabila melihat seorang pelatih yang pernah sekampung dengannya berada di depan mata, sedangkan dahulu keluarga pelatih berkenaan banyak berjasa kepada keluarganya.

Penagih boleh dirawat

"Saat itu terasa kecilnya dunia, penyesalan dan perkongsian bersama (pelatih) membuatkan saya percaya mereka boleh dirawat dan berubah."

"Hati terasa sebak apabila suaranya sesekali tenggelam timbul, kekuatannya seakan rapuh apabila bimbang terhadap masyarakat

yang tidak boleh menerimanya, namun suntikan semangat yang diberikan dapat mendorongnya agar menjadi lebih kuat," katanya. Beliau berkata, penagih dadah adalah pesakit yang boleh dirawat dan bukan pesalah seperti banduan, namun pandangan segelintir masyarakat yang terlalu sinikal terhadap penagih dadah menyebabkan mereka kembali terjebak.

"Pengaruh dadah biasanya bermula daripada sistem keluarga yang tidak kuat dan ibu bapa tidak mengambil berat atau peduli sehingga anak-anak terjebak dengan najis dadah."

"Justeru, masyarakat seharusnya lebih bertolak ansur dalam mendefinisikan sesuatu perkara, agar remaja mudah menerima dan merasa diperlu oleh keluarga sehingga terbentuk sebuah institusi kekeluargaan yang lengkap dan

kukuh," katanya.

Peserta program, V Ganaprakash, 33, berkata apabila mengetahui mereka akan melawat Pusat Rawatan dan Pemulihan (CCRC) pelbagai persepsi bermain di minda, termasuk bimbang akan keselamatan diri, namun persepsi itu lenyap selepas berjumpa pelatih di pusat terbabit.

Luahan perasaan

"Kami diterima dengan baik dan mereka bercerita dan meluahkan perasaan yang terpendam jauh di lubuk hati."

"Pelatih dibahagikan kepada kumpulan kecil dengan bimbingan dua pelajar dalam kaunseling kelompok untuk membincangkan mengenai faktor penolakan kepada najis dadah dan pelan masa hadapan mereka."

"Saya tertarik dengan seorang

pelatih yang cukup kreatif, namun pengaruh rakan menyebabkannya terbabit dalam kancah najis dadah sehingga terpaksa menjalani rawatan pemulihan di sini," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Program Psikologi dan Kaunseling, SAPSP UUM, Dr Saralah Devi Mariamdarani Chethiyar, berkata program itu bertujuan meningkatkan tahap kesedaran pelajar terhadap pengendalian kaunseling kelompok di samping mengenali personaliti pelatih.

"Seramai 20 pelajar mengendalikan 50 pelatih dengan menempatkan dua fasilitator bagi setiap kelompok."

"Kaunseling kelompok terhadap pelbagai jenis kumpulan secara praktikal membantu pelajar memahami secara mendalam dan berkesan selam teori di bilik kuliah," katanya.